

KERTAS SOLUSI 1

ISU-ISU & KONFLIK SOLUSI HADHANAH MENURUT PERSPEKTIF PEGUAM SYARIE

Oleh: Tuan Musa Bin Awang¹

PENDAHULUAN

Dalam kitab **al-Fiqh al-Manhaji**, oleh Dr. Mustofa Al-Khin dan lain-lain, jilid kedua, cetakan kelima 1424H/2003M, Dar al-Qalam, Damsyek, Syria hlm. 181 ada menyebut:-
والحضانة في اصطلاح الشريعة الإسلامية : هي حفظ من لا يستقبل بأمر نفسه ، وتربيته بمختلف وجوه التنمية والإصلاح، وتنتهي بالنسبة للصغير إلى سن التمييز.
أما رعايته بعد ذلك إلى سن البلوغ، فتسمى : كفالة، لا حضانة.

"Hadhanah dari segi istilah syara' ialah menjaga seseorang yang tidak dapat menguruskan dirinya dan mendidiknya dengan pelbagai kaedah yang mendatangkan kebaikan kepadanya sesuai dengan perkembangannya. Bagi kanak-kanak kecil hadhanahnya berakhir sehingga mencapai umur mumayyiz. Mendidik dan menjaga kanak-kanak selepas umur mumayyiz sehingga mencapai umur baligh tidak dinamakan hadhanah tetapi dinamakan kafalah."

Al-Syeikh Muhammad al-Khatib al-Syarbini (meninggal tahun 977H) di dalam kitabnya **Mughni Muhtaj**, Julid 3, Juzuk 3, cetakan Dar al-Fikr, hlm. 425 menyebutkan:-

وشرعا حفظ من لا يستقل بأمر نفسه عما يؤذيه لعدم تمييزه كطفل وكبير مجنون وتربيته أي تنمية المحضون بما يصلحه بتعهده بطعامه وشرابه ونحو ذلك

"Hadhanah dari segi syara' bererti tanggungjawab menjaga seseorang yang tidak mampu menguruskan dirinya sendiri, oleh kerana masih belum mampu atau tidak mampu membuat pemilihan mana satu yang baik dan mana satu yang buruk, seperti kanak-kanak kecil atau orang dewasa yang gila, dan juga tanggungjawab memberi pendidikan kepada mereka yang berkenaan itu hingga menyebabkan mereka berjaya menjadi manusia yang baik, serta tanggungjawab memberi makan minum dan seumpamanya kepada mereka."

¹ Presiden, Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Kertas ini disediakan untuk Seminar Kebangsaan Solusi Hadhanah Mahkamah Syariah (MUQARRAR '2019) pada 26 September 2016, bertempat di DKP 3, Univeristi Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

Kertas ini akan menyatakan secara ringkas, isu-isu dan konflik-konflik berkaitan hak jagaan anak (hadhanah) di Mahkamah Syariah, yang boleh dibincangkan dan diperbahaskan untuk mencari solusi dan penyelesaian terbaik.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERHUBUNG HADHANAH

- [1] Tiada tafsiran hadhanah diberikan dalam Seksyen 2, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984 walau pun perkataan hadhanah disebut dalam beberapa seksyen dalam Akta tersebut.
- [2] Peruntukan undang-undang berkenaan dengan hadhanah dan wilayah diperuntukkan dalam Bahagian VII, Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam negeri.²
- [3] Kedua-dua perkataan hadhanah dan wilayah telah diterjemahkan sebagai "penjagaan", sedangkan kedua-dua istilah ini memberikan makna yang berbeza dari segi pemakaian. Versi Bahasa Inggeris kepada Akta/Enakmen ini, walau bagaimana pun, telah membezakan antara perkataan hadhanah dan wilayah. Dalam versi ini, hadhanah telah diterjemahkan sebagai "*custody*" manakala wilayah telah diterjemahkan sebagai "guardianship".
- [4] Dalam Istilah Undang-undang terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan perkataan "*custody*" sebagai jagaan manakala perkataan "*guardianship*" sebagai penjagaan.³ Versi Bahasa Inggeris adalah lebih tepat penggunaannya.
- [5] Dalam peruntukan undang-undang syariah, hak jagaan anak atau hadhanah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:⁴
- 1) Menjaga kanak-kanak,
 - 2) Memelihara kebajikan kanak-kanak,
 - 3) Memberikan kasih sayang yang mungkin diperlukan kanak-kanak itu,
 - 4) Menyediakan tempat tinggal yang selamat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani,

² Lihat Seksyen 81 hingga Seksyen 105 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

³ Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 21 dan 37.

⁴ Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)1984, Seksyen 82, 88(1), 87(1) & 87(2).

5) Memberi pendidikan dan membiayai pelajaran kanak-kanak.

[6] Kanak-kanak menurut Akta/Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam ialah orang yang di bawah umur lapan belas tahun. Peruntukan ini terpakai bagi maksud penjagaan ke atas diri dan harta seseorang sebagaimana peruntukan berikut: *"Bagi maksud penjagaan ke atas diri dan harta, seseorang hendaklah disifatkan sebagai kanak-kanak melainkan dia telah genap umur lapan belas tahun."*⁵

[7] Namun begitu, bagi maksud hak hadhanah, Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam memperuntukkan bahawa tempoh hak hadhanah tamat setelah kanak-kanak itu mencapai umur tujuh (7) tahun, jika kanak-kanak itu lelaki dan sembilan (9) tahun jika kanak-kanak itu perempuan, melainkan jika mahkamah memerintahkan sebaliknya.⁶

[8] Ini bermaksud bahawa hak hadinah bagi menjaga seseorang kanak-kanak adalah tamat setelah kanak-kanak itu mencapai umur tujuh (7) tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan mencapai umur Sembilan (9) tahun, jika kanak-kanak itu perempuan. Akan tetapi, Mahkamah boleh, atas permohonan hadinah, membenarkan dia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak itu mencapai umur sembilan (9) tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sebelas (11) tahun, jika kanak-kanak itu perempuan.

[9] Terdapat persamaan di antara Hukum Syarak dan Undang-undang Keluarga Islam dalam menetapkan had umur bagi kanak-kanak yang belum mumayyiz, iaitu antara tujuh (7) tahun atau sembilan (9) tahun. Namun, umur dewasa yang ditetapkan oleh Akta/Undang-undang/Ordinan Keluarga Islam iaitu lapan belas (18) tahun, berbeza dengan umur dewasa yang ditetapkan oleh Hukum Syarak iaitu sampai baligh.

[10] Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia tidak menggunakan penentuan baligh secara tabi'i, bagi mengiktiraf bahawa seseorang kanak-kanak itu telah baligh atau dewasa. Sebaliknya ditetapkan umur menyeluruh ke atas semua kanak-kanak, tanpa mengambilkira telah baligh atau belum.

⁵ Lihat Seksyen 88 (4), AUUKI (WWP) 1984 ; Seksyen 89 (4), EUUKI (Johor) 2003 ; Seksyen 89 (4), EUUKI (Kedah) 2008 ; Seksyen 89 (4), EUUKI (Kelantan) 2002 ; Seksyen 89 (4), EUUKI (Melaka) 2002 ; Seksyen 89 (4), EUUKI (Negeri Sembilan) 2003; Seksyen 89 (4), EUUKI (Pahang) 2005, Seksyen 89 (4), EKI (Perak) 2004, Seksyen 89 (4), EUUKI (Perlis) 2006 ; Seksyen 89 (4), EUUKI (Pulau Pinang) 2004 ; Seksyen 89 (4), EUUKI (Sabah) 2004 ; Seksyen 92 (4), OUUKI (Sarawak) 2001 ; Seksyen 89 (4), EUUKI (Selangor) 2003 ; Seksyen 91 (4), EUUKI (Terengganu) 2017.

⁶ Lihat Seksyen 84 (1), AUUKI (WWP) ; Seksyen 85 (1), EUUKI Johor, Kedah Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Selangor ; Seksyen 88 (1), OUUKI (Sarawak) 2001 ; Seksyen 87 (1), EUUKI (Terengganu).

[11] Seksyen 46(2)(b)(iii) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 yang memperuntukkan berkenaan dengan bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam hal berhubungan dengan hadhanah:

Seksyen 46

Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah

1) ...

2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:

(a);

(b) Dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan:

(i) ... ;

(ii) ... ;

(iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak :

[12] Peruntukan berkaitan hak hadhanah, secara umumnya digubal mengikut mazhab Shafi'e selaras dengan majoriti penduduk Islam di Malaysia yang mengikut mazhab tersebut. Peruntukan mengenainya adalah sama tetapi disebut dalam seksyen yang berbeza sebagaimana Jadual berikut:

Jadual 1 – Peruntukan Hadhanah Dalam Undang-Undang Keluarga Islam Negeri

JOHOR	KEDAH	KELANTAN	MELAKA	N.SEMBILAN	PAHANG	PERAK
ENAKMEN 17 TAHUN 2003 ENAKMEN UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003	ENAKMEN 7 tahun 2008 ENAKMEN UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM (KEDAH) DARUL AMAN) 2008	ENAKMEN 6 TAHUN 2002 ENAKMEN UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM (KELANTAN) 2002	ENAKMEN 12 TAHUN 2002 ENAKMEN UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002	ENAKMEN 11 TAHUN 2003 ENAKMEN UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI SEMBILAN) 2003	ENAKMEN 3 TAHUN 2005 ENAKMEN UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM (PAHANG) 2005	ENAKMEN 6 TAHUN 2004 ENAKMEN KELUARGA ISLAM (PERAK) 2004
BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak
Fasal 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak	Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak	Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak.	Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak.	Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak	Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak- kanak	Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga knak- kanak
Fasal 83. Kelayakan- kelayakan	Seksyen 83. Kelayakan- kelayakan	Seksyen 83. Kelayakan- kelayakan	Seksyen 83. Kelayakan yang perlu	Seksyen 83. Kelayakan- kelayakan yang	Seksyen 83. Kelayakan- kelayakan yang	Seksyen 83. Kelayakan yang

yang perlu untuk penjagaan	yang perlu untuk penjagaan	yang perlu untuk penjagaan.	untuk penjagaan.	perlu untuk penjagaan	perlu untuk penjagaan	perlu untuk penjagaan
Fasal 84. Bagaimana hak penjagaan hilang	Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang	Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang.	Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang.	Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang	Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang	Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang
Fasal 85. Lamanya penjagaan	Seksyen 85. Tempoh penjagaan	Seksyen 85. Lamanya penjagaan.	Seksyen 85. Lamanya penjagaan.	Seksyen 85. Lamanya penjagaan	Seksyen 85. Lamanya penjagaan	Seksyen 85. Lamanya penjagaan
Fasal 86. Penjagaan anak-anak tak sahtaraf	Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tidak sahtaraf	Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tak sahtaraf.	Seksyen 86. Penjagaan anak tak sah taraf.	Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tidak sah taraf	Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tak sahtaraf	Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tak sah taraf
Fasal 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan	Seksyen 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan	Seksyen 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan.	Seksyen 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan.	Seksyen 87. Kuasa Mahkamah untuk membuat perintah mengenai penjagaan	Seksyen 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan	Seksyen 87. Kuasa Mahkamah untuk membuat perintah mengenai penjagaan
Fasal 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat	Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat	Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat.	Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat.	Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat	Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat	Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat
PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TERENGGANU	WP
ENAKMEN 7 TAHUN 2006 ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (PERLIS) 2006	ENAKMEN 5 TAHUN 2004 ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI PULAU PINANG) 2004	ENAKMEN 8 TAHUN 2004 ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (SABAH) 2004	ORDINAN 43 TAHUN 2001 ORDINAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (SARAWAK), 2001	ENAKMEN 2 TAHUN 2003 ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003	ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (TERENGGANU) 2017	AKTA 303 AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984
BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - PENJAGAAN	BAHAGIAN VII PENJAGAAN	BAHAGIAN VII - JAGAAN
Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-kanak	Hadanah atau Penjagaan Kanak-kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak	Hadhanah atau Penjagaan Kanak-kanak	Hadhanah atau Jagaan Kanak-kanak
Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak	Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak	Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak	Seksyen 85. Orang yang berhak menjaga anak-anak.	Seksyen 82. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak	84. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak	Seksyen 81. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak
Seksyen 83. Kelayakan-	Seksyen 83. Kelayakan-	Seksyen 83. Kelayakan-	Seksyen 86. Kelayakan-	Seksyen 83. Kelayakan-	85. Kelayakan-kelayakan yang	Seksyen 82.

kelayakan yang perlu untuk penjagaan	kelayakan yang perlu untuk penjagaan	kelayakan yang perlu untuk penjagaan	kelayakan yang perlu untuk penjagaan.	kelayakan yang perlu untuk penjagaan	perlu untuk penjagaan	Kelayakan yang perlu untuk jagaan
Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang	Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang	Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang	Seksyen 87. Bagaimana hak penjagaan hilang.	Seksyen 84. Bagaimana hak penjagaan hilang	86. Bagaimana hak penjagaan hilang keutamaan	Seksyen 83. Bagaimana hak jagaan hilang
Seksyen 85. Lamanya penjagaan	Seksyen 85. Lamanya penjagaan	Seksyen 85. Lamanya penjagaan	Seksyen 88. Jangka masa penjagaan.	Seksyen 85. Lamanya penjagaan	87. Tempoh penjagaan	Seksyen 84. Tempoh jagaan
Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tak sahtaraf	Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tak sahtaraf	Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tak sahtaraf	Seksyen 89. Penjagaan anak-anak tak sah taraf.	Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tak sahtaraf	88. Penjagaan anak tidak sah taraf	Seksyen 85. Jagaan anak-anak tidak sah taraf
Seksyen 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan	Seksyen 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan	Seksyen 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan	Seksyen 90. Kuasa Mahkamah untuk membuat perintah penjagaan.	Seksyen 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan	89. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan	Seksyen 86. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai jagaan
Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat	Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat	Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat	Seksyen 91. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat.	Seksyen 88. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat	90. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat	Seksyen 87. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat

[13] Peruntukan undang-undang tersebut merangkumi aspek-aspek yang berkaitan hak hadhanah iaitu, orang yang berhak menjaga kanak-kanak, kelayakan yang perlu untuk penjagaan, bagaimana hak penjagaan hilang, lamanya penjagaan, penjagaan anak tak sahtaraf, kuasa mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan dan syarat-syarat dalam suatu perintah mengenai penjagaan.

[14] Peruntukan berhubung Hadhanah Sementara terdapat dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Seksyen 197, Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 memberikan bidangkuasa tersebut, yang berbunyi-

Seksyen 197. Kuasa Mahkamah untuk memberikan perintah interim.

(1) Tertakluk kepada Bab ini, Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa, mengikut budi bicaranya, untuk memberikan apa-apa perintah interim atas apa-apa terma yang difikirkannya patut dan boleh memberikan apa-apa arahan tentang prosiding selanjutnya.

(2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan perintah interim hendaklah dibuat dalam Borang MS 50 dan disokong dengan affidavit.

- [15] Dalam hal Hadhanah Sementara, Seksyen 197 perlu dibaca sekali dengan Seksyen 201, Akta sama yang berbunyi-

Seksyen 201. Perintah interim tentang hadhanah.

(1) Tertakhluk kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], jika Mahkamah berpuas hati, atas permohonan mana-mana pihak untuk mendapatkan *hadhanah* seseorang kanak-kanak dalam apa-apa kausa atau perkara, bahawa hal keadaan memerlukan dibuat suatu perintah interim tentang *hadhanah* kanak-kanak itu, maka Mahkamah boleh membuat perintah sedemikian yang hendaklah berkuat kuasa serta-merta dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga Mahkamah membuat keputusan atas kausa atau perkara itu.

(2) Permohonan di bawah seksyen ini tidak boleh dibuat sebelum tindakan dimulakan kecuali dalam hal yang mendesak dan demi kepentingan keadilan atau perlindungan pemohon atau kanak-kanak itu didapati bahawa campur tangan serta-merta Mahkamah perlu.

(3) Jika pemohon ialah plaintif dan kes itu satu kes yang mendesak, permohonan itu boleh dibuat secara *ex parte* yang hendaklah disokong dengan affidavit dan affidavit itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan yang jelas dan ringkas lagi padat--

(a) tentang fakta-fakta yang membawa kepada tuntutan terhadap defendan dalam prosiding itu;
(b) tentang fakta-fakta yang membawa kepada tuntutan untuk mendapatkan perintah interim itu;
(c) tentang fakta-fakta yang menjadi sandaran bagi mewajarkan permohonan secara *ex parte* itu;
(d) tentang apa-apa fakta yang diketahui oleh pemohon yang mungkin menyebabkan Mahkamah tidak memberikan perintah interim itu;

(e) tentang sama ada mana-mana permohonan secara *ex parte* terdahulu yang seumpamanya telah dibuat kepada mana-mana Hakim dan, jika demikian, perintah yang dibuat dalam permohonan terdahulu itu; dan

(f) tentang relief yang sebenarnya dipohon.

ISU-ISU DAN KONFLIK SOLUSI HADHANAH

- [16] Terma-terma Perintah/Penghakiman Hadhanah kebiasaannya diperolehi atau dikeluarkan melalui salah satu daripada proses-proses berikut:

- (i) Persetujuan bersama pihak-pihak dalam Majlis Sulh;
- (ii) Persetujuan bersama pihak-pihak di luar Mahkamah melalui perjanjian yang mereka buat sendiri dan dipersetujui secara bersama;
- (iii) Persetujuan bersama pihak-pihak melalui Perjanjian Persetujuan yang disediakan oleh Peguam Syarie yang mewakili satu pihak atau kedua-dua pihak diwakili;

- (iv) Perintah Interim Hadhanah yang diperolehi secara Ex-Parte;
- (v) Perintah Interim Hadhanah yang dikeluarkan secara Inter-partie;
- (vi) Proses perbicaraan secara sebelah pihak (Defendan tidak hadir setelah Saman disempurnakan); atau
- (vii) Proses perbicaraan penuh secara dua belah pihak.

[17] Daripada perspektif sebagai pengamal undang-undang syariah, saya membangkitkan beberapa isu dan konflik yang boleh dirungkaikan untuk mencari jalan penyelesaian serta disimpulkan sebagai solusi terbaik penyelesaian hadhanah di Mahkamah Syariah.

a) Terma Perintah/Penghakiman Hadhanah Secara Umum Yang Menyukarkan Pelaksanaan.

[18] Terdapat dalam sesetengah Perintah/Penghakiman Hadhanah, terma yang dimasukkan adalah secara umum seperti berikut:

*"Hak Hadhanah Anak bernama ABC diberikan kepada Plaintiff (ibu). Manakala Defendan (bapa) diberikan hak lawatan dan bermalam **pada bila-bila masa yang sesuai dan munasabah**, dengan terlebih dahulu **dimaklumkan** kepada Plaintiff."*

[19] Terma ini dikeluarkan melalui perbicaraan atau secara persetujuan bersama pihak-pihak melalui Majlis Sulh atau kadang-kadang melalui cara-cara lain yang disebut di perenggan [16].

[20] Terma Perintah/Penghakiman seperti ini tidak akan mendatangkan masalah kepada pasangan bercerai yang masih mempunyai hubungan yang baik, dan masih boleh berkomunikasi dengan baik antara mereka.

[21] Akan tetapi, ia akan menjadi satu konflik berpanjangan jika pasangan tidak lagi mempunyai hubungan yang baik, atau wujud masalah komunikasi antara mereka. Ini kerana:

- (i) Hak lawatan dan/atau hak bermalam tidak ditentukan hari, masa dan kekerapan.
- (ii) Untuk lawatan atau bermalam, Defendan (bapa) perlu berhubung dengan Plaintiff (ibu) dan memaklumkan bilakah hari dan masa untuk melawat atau bermalam

dengan anak. Konflik akan berlaku apabila wujud masalah komunikasi antara mereka, atau apabila pasangan telah berkahwin lain. Risiko tidak dapat berhubung, nombor disekat, dan sebagainya.

- (iii) Sesetengah pihak memanipulasi terma yang umum ini untuk menidakkan atau menafikan hak pihak satu lagi.

[22] Maka sewajarnya Mahkamah mengelakkan daripada menggunakan terma umum seperti ini, dalam Perintah/Penghakiman. Mahkamah perlu menetapkan hari, masa dan tempoh melawat, kekerapan, bilangan hari untuk hak bermalam (jika berkenaan), diambil jam berapa dan dipulangkan pada jam berapa dsbg.

b) Terma Perintah/Penghakiman Hadhanah "Dengan Kemahuan atau Kehendak Anak".

[23] Terdapat dalam sesetengah Perintah/Penghakiman Hadhanah, terma yang digunakan adalah seperti berikut:

*"Hak Hadhanah Anak bernama ABC diberikan kepada Plaintiff (ibu). Manakala Defendan (bapa) diberikan hak lawatan/hak bermalam pada bila-bila masa yang sesuai dan munasabah (atau pada hari-hari dan masa-masa tertentu), dengan terlebih dahulu dimaklumkan kepada Plaintiff dan **dengan kemahuan/kehendak Anak tersebut.**"*

[24] Terma "dengan kemahuan/kehendak Anak" seperti ini boleh menimbulkan konflik daripada segi pelaksanaan. Ada pihak yang mendapat hak hadhanah menggunakan alasan "anak tidak mahu" atau "anak tak nak", untuk menafikan hak lawatan atau bermalam pihak satu lagi.

[25] Apakah kriteria atau faktor yang digunakan semasa menentukan terma "dengan kemahuan Anak tersebut"? Adakah dengan melihat kepada faktor anak telah mumayyiz dan boleh membuat pilihan?

[26] "Berhak memilih" dalam Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam itu adakah juga bermaksud anak berhak memilih hak lawatan?

- [27] Seksyen 84, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 berbunyi -

Seksyen 84. Tempoh jagaan

(1) Hak hadhinah bagi menjaga seseorang kanak-kanak adalah tamat setelah kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu perempuan, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan hadhinah, membenarkan dia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak itu mencapai umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sebelas tahun, jika kanak-kanak itu perempuan.

(2) Setelah tamatnya hak hadhinah, jagaan adalah turun kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mencapai umur kecerdikan (mumaiyiz), maka kanak-kanak itu adalah **berhak memilih untuk tinggal dengan sama ada ibu atau bapanya**, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

- [28] Pada pandangan saya, "berhak memilih" dalam seksyen tersebut ialah hak memilih penjaga bagi anak, yakni hak memilih untuk tinggal dengan ibu atau bapanya. Ia bukanlah bermaksud hak memilih untuk lawatan.

- [29] Panduan berhubung isu hak lawatan anak yang telah mumayyiz ini telah diberikan dalam kitab *Anwar al-Masalik Syarhu Umdah al-Salik Wa an-Nasik*" karangan as-Syeikh Muhammad al-Zuhri al-Ghamrawi hlm. 310 ada menegaskan masalah ini seperti katanya:

وإذا إختار الولد أباه فيحرم عليه أن يمنعه من زيارة أمه ، وإن زارته الأم لم يمنعها من الدخول ، وإذا إختارت الأنتى الأب فله منعها من زيارة أمها والأم تزورها ، وإذا إختارت الأم كانت عندها ليلا ونهارا والأب يزورها .

Yang beerti:

*Jika **anak lelaki** memilih untuk tinggal bersama bapanya maka **haram** ke atas bapa menghalang anak tersebut menziarahi ibunya, dan jika ibu anak tersebut datang untuk menziarahinya, maka bapa kepada anak tersebut tidak boleh menghalang ibu anak tersebut masuk menemuinya.*

*Manakala jika sekiranya **anak itu seorang perempuan** dan ia memilih untuk **tinggal bersama dengan bapanya**, maka bapa **boleh menghalang anak** tersebut menziarahi ibunya, sebaliknya ibu anak tersebut lah yang menziarahi anaknya itu.*

*Jika **anak perempuan memilih untuk tinggal dengan ibunya**, maka anak tersebut akan bersama dengan ibunya di waktu siang dan malam, manakala bapa dibenarkan untuk menziarahinya bila-bila masa yang sesuai*

[30] Ringkasnya, berdasarkan pandangan as-Sheikh Muhammad al-Zhuri al-Ghamrawi tersebut:

- (i) Jika **anak lelaki memilih tinggal bersama bapanya**, maka anak itu boleh menziarahi ibunya dan ibu juga boleh datang melawat anak berkenaan.
- (ii) Jika **anak perempuan memilih tinggal bersama bapanya**, maka anak boleh dihalang daripada menziarahi ibunya,⁷ akan tetapi si ibu boleh datang menziarahi anaknya itu.
- (iii) Jika **anak perempuan memilih untuk tinggal bersama ibunya**, maka anak akan bersama dengan ibunya di waktu siang dan malam, manakala bapa dibenarkan untuk menziarahinya bila-bila masa yang sesuai (siang atau malam).

[31] Kesimpulannya, hak lawatan adalah **wajib** diberikan kepada pihak yang tidak diberi hak jagaan, samada bagi anak di bawah umur mumayyiz atau pun anak yang telah pun mumayyiz. Hak lawatan bukanlah suatu pilihan kepada anak.

c) Terma Perintah/Penghakiman Hadhanah Yang Tidak Memberikan Hak Lawatan/Bermalam

[32] Terdapat Perintah/Penghakiman Hadhanah yang langsung tidak menyatakan terma hak lawatan atau bermalam.

[33] Seksyen 87(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 menyebutkan:

Seksyen 87. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat

(1) ...

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), sesuatu perintah jagaan **boleh**—

- (a) mengandungi syarat-syarat tentang tempat di mana kanak-kanak itu akan tinggal dan cara pelajarannya;

⁷ Mengambil kira faktor keselamatan bagi seorang anak perempuan untuk pergi menziarahi ibunya.

- (b) mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu **berada bagi sementara** dalam pemeliharaan dan kawalan seseorang yang lain daripada orang yang diberi jagaan itu;
- (c) mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu **melawat ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan** atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan pada **masa-masa dan bagi apa-apa tempoh** sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah;
- (d) memberi ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan hak untuk **berjumpa dengan kanak-kanak itu pada masa-masa dan dengan seberapa kerap** yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah; atau
- (e) melarang orang yang diberi jagaan itu daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Malaysia.

[34] Walaupun sub-Seksyen 87 (2) adalah budibicara, namun dalam menggunakan budibicara tersebut, rujukan kepada Hukum Syarak adalah intipati utama sebelum melihat kepada faktor-faktor lain.

[35] Secara amnya hak lawatan atau akses mesti diberikan kepada pihak yang tidak mendapat hak hadanah. Cuma dalam beberapa kes tertentu pihak mahkamah mungkin akan menghadkan pertemuan ini dengan cara pertemuan dibenarkan di bawah pengawasan mahkamah atau pihak polis, atau buat sementara waktu tidak dibenarkan langsung untuk berjumpa. Ini jika sekiranya melibatkan kes-kes penderaan fizikal atau seksual. Misalnya, dalam kes seorang bapa yang telah mendera anaknya secara seksual atau fizikal.

[36] Dalam kes sebegini, mahkamah sewajarnya mendapatkan pandangan pakar psikologi, untuk membantu mahkamah untuk membuat keputusan terbaik, dengan mengambil kira kebajikan kanak-kanak sebagai perkara yang utama. Pandangan pakar ini walau pun tidak semestinya diikuti oleh mahkamah, namun sekurang-kurangnya dapat membantu pihak mahkamah dalam menyelesaikan kes yang rumit ini.

d) Terma Masa Hak Lawatan Yang Terlalu Singkat

[37] Terdapat terma hak lawatan dalam Perintah/Penghakiman Hadhanah yang memberikan tempoh masa lawatan terlalu singkat. Contoh: 2 jam atau 3 jam sahaja.

[38] Bagi pihak-pihak yang tinggal dalam daerah atau dalam negeri yang sama, tempoh masa lawatan yang singkat mungkin tidak menjadi suatu masalah bagi mereka. Akan tetapi bagi yang tinggal berlainan negeri atau berjauhan, ia akan menyukarkan pihak-pihak, dan kadangkala mencetuskan konflik serta pergaduhan. Contoh si ibu bersama anak tinggal di Shah Alam, Selangor, dan si bapa tinggal di Johor Baharu, Johor.

[39] Sebagai panduan dalam menentukan etika hak lawatan, di dalam kitab ***Nihayatul Muhtaj ila Syarhil Minhaj*** oleh Al-Ramli (cetakan Dar Al-Kutb al-Ilmiyyah) juzuk 7, halaman 232 ada menyebutkan –

*"dan bapa (tidak boleh menghalang ibu) daripada melawat anak lelaki dan perempuan di rumahnya (dengan tujuan ziarah) dengan syarat tidak berlaku khulwah yang diharamkan dan kecurigaan, dan begitu pula sebaliknya bagi anak-anak tidak boleh dihalang menziarahi ibubapa mereka kerana dikhuatiri menjadi derhaka, dan bagaimanapun masa lawatan ini **tidak boleh dilakukan terlalu lama**".*

[40] Bagi pihak-pihak yang tinggal berjauhan, tempoh masa tiga (3) jam dapat melawat dan bersama-sama anak bukanlah suatu tempoh yang lama, kerana tempoh jarak perjalanan mereka untuk berjumpa anak pun kadang-kadang mencecah beberapa jam lamanya.

[41] Maka, dalam menentukan tempoh masa lawatan yang sesuai, faktor jarak pihak-pihak perlu dipertimbangkan.

e) Tidak ditentukan lokasi lawatan

[42] Terdapat terma hak lawatan dalam Perintah/Penghakiman Hadhanah yang tidak menentukan lokasi lawatan. Akibatnya, ada pihak yang mendapat hak hadhanah menetapkan syarat tempat perjumpaan bukan di rumahnya, tetapi di lokasi lain, pusat membeli belah atau dalam sesetengah kes perjumpaan dilakukan di balai polis.

- [43] Berdasarkan perbincangan dan rujukan yang dinyatakan di atas,⁸ jelas menunjukkan bahawa lokasi lawatan adalah di mana anak tersebut tinggal, melainkan jika dikhuatiri berlaku khalwat (antara bekas suami isteri), atau anak lelaki yang telah pun mumayyiz boleh keluar menziarahi ibu atau bapanya, di tempat lain.
- [44] Maka, pada pandangan saya, lokasi lawatan anak juga perlu dinyatakan dalam Perintah/Penghakiman hadhanah.

f) Proses Perbincangan Hadhanah Yang Panjang/Lama

- [45] Secara prinsip asasnya, hadhanah anak selepas berlaku perceraian adalah pada ibu. Dalam hadith Rasulullah s.a.w, yang diriwayatkan oleh Amru bin Syu'aib daripada Amru bin Amru, berbunyi :-

أن امرأة قالت: يا رسول الله إن ابني هذا كان بطني له وعاء، وحجري له حواء، وثديي له سقاء، وزعم أبوه أنه ينزعه مني، فقال - صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : "أنت أحق به ما لم تتزوجي

Maksud :- "*Bahawa Rasulullah s.a.w telah didatangi seorang perempuan lalu perempuan itu berkata, 'wahai Rasulullah, sesungguhnya anakku ini dulu dalam perutku dia bernaung, tetek ku ini tempat dia menyusui, dan pangkuan ku ini tempaty dia berlindung, sesungguhnya bapanya telah menceraikan ku dan dia bermaksud merampas anak ku ini dari ku. Lalu Rasulullah s.a.w bersabda kepada perempuan itu, 'Engkau lebih berhak padanya selama engkau belum bernikah lain.'*"

- [46] Ini adalah selaras dengan pandangan Imam Al-Shafei dalam ***Al-Umm***, Jilid Ketiga juzuk kelima Beirut Lubnan Hal. 92 :

قال الشافعي فإذا افرق السواق وهما في قرية واحده فما الم احق بولدها ما لم تتزوج وما كانوا صغارا

Maksud : "*Al-Shafei berkata: apabila berpisah kedua-dua ibu bapa dan kedua-duanya berada di dalam satu qariah, maka ibu adalah lebih berhak terhadap anaknya selama mana ia belum berkahwin lain dan semasa anak itu masih kecil.*"

⁸ Lihat Anwar al-Masalik Syarhu Umdah al-Salik Wa an-Nasik" karangan as-Syeikh Muhammad al-Zuhri al-Ghamrawi hlm. 310 ; dan ***Nihayatul Muhtaj ila Syarhil Minhaj*** oleh Al-Ramli (cetakan Dar Al-Kutb al-Ilmiyyah) juzuk 7, halaman 232.

[47] Prinsip ini ditakninkan dalam Undang-undang Keluarga Islam. Sebagai contoh, Seksyen 81 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan -

Seksyen 81. Orang yang berhak menjaga kanak-kanak

(1) Tertakluk kepada seksyen 82, **ibu adalah yang paling berhak dari segala orang** bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.

[48] Hak hadhanah seorang ibu hanya akan hilang atau gugur sekiranya mempunyai salah satu daripada alasan-alasan sebagaimana dalam Seksyen 83 Akta, iaitu –

Seksyen 83. Bagaimana hak jagaan hilang

Hak seseorang perempuan terhadap *hadhanah* adalah hilang-

- (a) jika perempuan itu berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu yang orang itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, jika jagaannya dalam hal sedemikian akan menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu tetapi haknya untuk jagaan akan kembali semula jika perkahwinan itu dibubarkan; [*Gan. Akta A902:s.28*]
- (b) Jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;
- (c) jika perempuan itu menukar pemastautinannya dengan tujuan untuk mencegah bapa kanak-kanak itu daripada menjalankan pengawasan yang perlu ke atas kanak-kanak itu, kecuali bahawa seseorang isteri yang bercerai boleh mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir isteri itu;
- (d) jika perempuan itu murtad;
- (e) jika perempuan itu mengabaikan atau menganiaya kanak-kanak itu.

[49] Sekiranya tiada bukti ibu hilang kelayakan, maka hak hadhanah itu masih kekal bersama ibu. Selagi ibu memenuhi syarat-syarat sebagaimana dalam Seksyen 82 Akta, iaitu dia adalah seorang Islam ; dia adalah sempurna akal ; dia berumur yang melayakkan dia memberi anak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh anak ; dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah ; dan dia tinggal di tempat di mana anak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani, maka selama itu ibu masih berhak untuk hadhanah anak.

[50] Jika bapa mendakwa si ibu telah hilang kelayakan hadhanahnya menurut Hukum Syarak dan undang-undang, maka beban bukti adalah terletak di atas bahu si bapa. Beban bukti bermaksud suatu keterangan yang kukuh berserta dokumen atau saksi, bukan hanya semata-mata dakwaan kosong tidak berasas.

[51] Merujuk Seksyen 72, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes mal ialah :

Seksyen 72. Beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes mal.

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-Mudda'ii*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudda'a 'alaih*).

[52] Manakala pada Seksyen 73 Akta sama memperuntukkan :

Seksyen 73. Beban membuktikan.

(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

MISALAN

A berhasrat supaya Mahkamah memberikan penghakiman supaya B dihukum kerana suatu jenayah yang dikatakan oleh A telah dilakukan oleh B.

A mesti membuktikan bahawa B telah melakukan jenayah itu.

[53] Maka berdasarkan prinsip asas hadhanah menurut Hukum Syarak dan menurut undang-undang tersebut di atas, tuntutan hadhanah adalah tuntutan yang "*straight to the point*".

[54] Walaubagaimanapun, suatu proses perbicaraan tuntutan hadhanah di Mahkamah Syariah boleh menjadi lama atau panjang, antaranya disebabkan faktor-faktor berikut:

- (i) Bapa tetap menuntut hak hadhanah walaupun anak di bawah umur.
- (ii) Bapa tetap menuntut hak hadhanah walaupun anak telah mumayyiz dan memilih serta tinggal bersama ibu.
- (iii) Bapa tetap menuntut hak hadhanah walaupun tidak mempunyai alasan atau bukti kukuh yang menggugurkan kelayakan ibu untuk hadhanah anak.
- (iv) Satu pihak masih ingin meneruskan perbicaraan tuntutan hadhanah walaupun anak yang telah mumayyiz sudah dipanggil menyatakan pendirian mereka.
- (v) Pihak-pihak bersetuju tentang hak jagaan tetapi bertikai tentang hak lawatan, bermalam dan sebagainya.
- (vi) Ibu tidak mahu membenarkan hak lawatan atau bermalam kepada bapa atas alasan anak masih kecil dan sebagainya.
- (vii) Lain-lain.

- [55] Perlu ada suatu solusi yang tuntas bagaimana untuk menjadikan perbicaraan tuntutan hadhanah lebih pantas dan dapat diselesaikan dengan baik. Beberapa persoalan-persoalan pokok perlu dirungkaikan dengan jawapan, antaranya:
- (i) Apabila anak yang telah mumayyiz telah membuat pilihan dan tidak dipersetujui oleh pihak yang tidak berpihak kepadanya, adakah kes masih perlu dibicarakan?
 - (ii) Bagaimanakah suatu proses perbicaraan boleh dipercepatkan sekiranya pihak-pihak telah bersetuju mengenai hak hadhanah, dan hanya tidak bersetuju tentang hak melawat atau bermalam dsbg.nya?
 - (iii) Bagaimanakah proses perbicaraan boleh dipercepatkan sekiranya dalam pliding pihak-pihak telah menunjukkan bahawa dakwaan bahawa si ibu telah hilang kelayakan hadhanah sebenarnya tidak mempunyai asas atau bukti?

g) Kefahaman dan Toleransi Pihak-Pihak Yang Bertikai

- [56] Pihak-pihak yang bertikai berhubung hadhanah perlu faham dan mempunyai pengetahuan mendalam bagaimana hendak menyelesaikan konflik antara mereka. Mereka perlu faham dan sedar bahawa hak lawatan adalah suatu hak yang penting dan wajib, bersesuaian dengan hadis yang menyebut:

وَعَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - - لَا يَدْخُلُ
الْجَنَّةَ قَاطِعٌ - يَعْنِي: قَاطِعَ رَحِمٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ

Dari Jubair bin Muth'im r.a, ia berkata bahwa Rasulullah s.a.w bersabda,
"Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturahim."
(*Muttafaqun 'alaih*) [HR. Bukhari, no. 2984 dan Muslim, no. 2556]

- [57] Oleh itu, sekiranya hak hadhanah telah diberikan kepada ibu, misalnya, dia sepatutnya bertanggungjawab untuk memastikan hak lawatan atau hak untuk berjumpa dapat dilakukan oleh bapa dengan baik tanpa sebarang halangan daripada pihaknya. Begitulah juga sebaliknya jika hak hadhanah diberikan kepada bapa.
- [58] Perasaan marah, sakit hati atau dendam kepada bekas suami atau isteri sepatutnya dapat dikendalikan dengan baik demi kepentingan anak yang masih dahagakan kasih sayang

dan belaian kedua-dua ibu bapa walaupun mereka telah berpisah. Perbuatan menyembunyikan anak atau memisahkan mereka daripada berjumpa dengan ibu atau ayah mereka tidak sepatutnya berlaku, kerana ia boleh meninggalkan kesan yang tidak baik kepada anak-anak itu sendiri. Bagaimana, bila dan di mana hak ini dapat dilakukan terpulanglah kepada kebijaksanaan pihak-pihak yang terbabit untuk menentukannya. Yang paling penting, hubungan di antara anak dengan ibu atau bapa boleh diteruskan dengan baik bertepatan dengan kehendak syarak.

[59] Pihak-pihak harus faham dan sedar bahawa hukumnya wajib menyambung hubungan silaturrahim dan haram memutuskannya, lebih-lebih lagi antara seorang anak dengan ibu atau bapanya.

[60] Sebaliknya, banyak usaha dan tindakan yang boleh dibuat oleh seorang ibu/bapa yang mendapat hak hadhanah anak, agar dapat mengharmonikan hubungan silaturrahim antara anak dengan bapa/ibu, antaranya ialah:

- mengingatkan anak bila akan tiba hari dan masa lawatan/bermalam si ayah/ibu
- menyediakan anak untuk lawatan/bermalam
- mengingatkan anak bilakah tarikh lahir si bapa/ibu dan ucap selamat hari lahir
- mengingatkan anak untuk ucap selamat hari bapa/selamat hari ibu
- tidak memburukkan antara satu sama lain semasa bersama dengan anak.

KESIMPULAN

Isu dan konflik hadhanah boleh diselesaikan dengan baik dan segera, sekiranya perkara-perkara yang dikemukakan di atas diambilkira dalam membuat suatu perjanjian bersama di peringkat Majlis Sulh, perjanjian persetujuan pihak-pihak serta Perintah/Penghakiman Mahkamah Syariah. Isu-isu tersebut, sekiranya tidak diselesaikan dengan baik akan membawa kepada konflik yang berpanjangan, di mana akan melibatkan tuntutan perubahan perintah hadhanah, tindakan pengkomitan, dan sebagainya. Anak yang akan berada di tengah-tengah, menjadi mangsa pertikaian dan perebutan.

Wallahu'alam

24 September 2019.